

PEMBANGUNAN CAKERA PADAT (CD) MODUL PEMBELAJARAN  
KENDIRI (MPK) UNDANG-UNDANG KONTRAK BAGI  
KEGUNAAN PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN DI  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

NORMAN BIN ZAMRI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUI ITHO



3 0000 00071071 9

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA ♦

JUDUL : PEMBANGUNAN CAKERA PADAT (CD) MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK) UNDANG-UNDANG KONTRAK BAGI KEGUNAAN PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya : NORMAN BIN ZAMRI (GT020001)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh

  
(TANDATANGAN PENYELIAS)

Alamat Tetap : LOT 2344 KAMPUNG KEROH HULU  
33700 PADANG RENGAS  
KUALA KANGSAR PERAK

TUAN HJ ZULKIFLI BIN SENIN  
Nama Penyelaras

Tarikh : 30-9-2003


Tarikh : 30-9-2003

### CATATAN :

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Izajah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

## PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : TUAN HAJI ZULKIFLI BIN SENIN  
Tarikh : 30 SEPTEMBER 2003

PEMBANGUNAN CAKERA PADAT (CD) MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI  
(MPK) UNDANG-UNDANG KONTRAK BAGI KEGUNAAN PELAJAR JABATAN  
PERDAGANGAN DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI


NORMAN BIN ZAMRI

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : NORMAN BIN ZAMRI

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2023 .....

Teristimewa Buat Mak Dan Abah Tercinta,

*“Terima kasih di atas pengorbanan dan kasih sayang yang kalian curahkan buat anakanda. Sesungguhnya ia tidak terbalas, hanya Allah yang dapat membalasnya.”*

Buat Abang Own, Kak Iyta dan Yati,

*“Sokongan kalian menjadi perangsang buat diriku”*

Buat yang teristimewa, Ina

*“Kau sumber inspirasiku”*

Buat sahabat-sahabatku,

Raf, Mi, Jal, Nizan, Apis, Asward, Dx Bainun, Dx UUM, Dx S3, Fuad, Am,

Sy.Husin, Nubli dan rakan-rakan

*“Terima kasih di atas segalanya”*

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, maka projek sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Zulkifli Bin Senin, pensyarah pembimbing sepanjang melaksanakan projek sarjana ini. Sesungguhnya, saya amat menghargai segala pandangan, bimbingan, tunjuk ajar dan kesabaran beliau. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalasnya.

Ucapan terima kasih juga buat ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan, yang telah banyak memberi dorongan dan idea-idea yang membina dalam melaksanakan projek ini. Segala jasa baik kalian amat dihargai.

Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Jabatan Perdagangan, Cik Azizah Bt Abdul Razak, Cik Norhazlin Bt Mohamad Ali, Cik Faizah Bt Omar, pensyarah-pensyarah dan seterusnya para pelajar Politeknik Seberang Perai yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.



## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membangunkan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) dalam bentuk cakera padat (CD), yang digunakan sebagai bahan bantu pembelajaran pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai, bagi subjek Undang-Undang Komersan. CD MPK yang dibangunkan tertumpu kepada bab Undang-Undang Kontrak sahaja. CD MPK ini dibangunkan bagi membantu pelajar di dalam memahami subjek yang dipenuhi dengan fakta dan kes undang-undang. Selain itu, pelajar dapat mempelbagaikan gaya pembelajaran mereka dengan menggunakan CD MPK ini. Perisian ini dibangunkan menggunakan perisian *Microsoft Powerpoint* sebagai platform utama, manakala perisian *Macromedia Flash MX* sebagai pengisian terhadap platform utama produk yang dibangunkan ini. Kajian ini melihat kepada kebolehlaksanaan CD MPK dari aspek kesahan isi kandungan, mesra pengguna, ciri animasi dan multimedia serta aktiviti pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau samada wujud perbezaan pencapaian markah pelajar sebelum dan selepas menggunakan CD MPK. Responden terdiri daripada 41 orang pelajar semester 4, jurusan Sijil Penyimpanan Kira di Politeknik Seberang Perai. Kaedah kuantitatif digunakan bagi menganalisis data daripada borang soal selidik dan item ujian menggunakan perisian *SPSS 11.5 for Windows*. Pengkaji mendapati, CD MPK yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehlaksanaan yang positif serta memberi kesan penggunaan yang baik kepada pelajar. Keseluruhannya, CD MPK yang dibangunkan berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan bantu pembelajaran bagi pelajar dalam bab Undang-Undang Kontrak.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to develop a Self Learning Module (SLM), in a compact disc (CD) format for commerce students' who take Commerce Law subject in Polytechnic of Seberang Perai (PSP). Content of the SLM CD is only focus on Contract's Law chapter. SLM CD developed to assist students in a subject that consist law's facts and cases. The SLM CD developed by using Microsoft PowerPoint as the main platform and Macromedia Flash MX as the supporting platform. Objective of the study is to see the usefulness of the SLM CD from few aspects such as contents validity, user friendly, animation and multimedia aspects and learning activities. The Study also wants to identify, whether there is any significant differences in students' performance before and after using the CD SLM. Forty-one (41) students of "Sijil Penyimpanan Kira" (SPK) from PSP were selected as respondent. Collected data was quantitatively analyzed by using SPSS 11.5 for Windows's software. Researcher finds that the CD SLM is useful and it showed that students perform better after using the CD SLM. Overall, the developed CD SLM has the potential to be used as learning material in learning Contract's Law.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
	<b>SENARARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Matlamat Kajian	7

1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	10
1.9	Penutup	12

## **BAB II       SOROTAN PENULISAN**

2.0	Pengenalan	13
2.1	Kaedah Pembelajaran ‘Mastery Learning’	14
2.2	Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)	16
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Modul	17
2.4	Teknologi Pendidikan	19
2.5	Penggunaan CD-ROM Di dalam Pendidikan	21
2.6	Cakera Video Interaktif Di dalam Pendidikan	23
2.7	Penutup	24

## **BAB III       METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	25
3.1	Rekabentuk Kajian	26
3.2	Populasi Kajian	27
3.3	Saiz Sampel dan Tempat Kajian	27
3.4	Sumber Data	29
3.5	Instrumen Kajian	29
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Pengumpulan Data	34

3.8	Analisis Data	35
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
3.10	Jangkamasa Kajian	38
3.11	Penutup	38

#### **BAB IV REKABENTUK PRODUK**

4.0	Pengenalan	39
4.1	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	40
4.2	Matlamat Penghasilan Produk	41
4.3	Kandungan dan Ciri-Ciri Produk	42
4.4	Kerangka Teori Penghasilan Produk	46
4.5	Kronologi Pembangunan Produk	47
4.6	Sasaran Penggunaan	51
4.7	Bahan Menghasilkan Produk	51
4.8	Permasalahan Membangunkan Produk	53
4.9	Bahan dan Kos Menghasilkan Produk	53
4.10	Penutup	54

#### **BAB V PENEMUAN DAN PERUMUSAN KAJIAN**

5.0	Pengenalan	55
5.1	Analisis Maklumat Latar Belakang Responden	56
5.2	Analisis Penilaian Kebolehlaksanaan CD MPK Undang-Undang Komersan	59
5.3	Analisis Perbandingan Purata Min	73
5.4	Analisis Soalan Terbuka	74
5.5	Analisis Kesan Penggunaan CD MPK Undang-Undang Komersan	77



5.6	Rumusan Pengujian CD MPK	82
5.7	Penutup	83
<b>BAB VI</b>	<b>KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	
6.0	Pengenalan	84
6.1	Kesimpulan Hasil Kajian	85
6.2	Cadangan	89
6.3	Penutup	96
<b>BIBLIOGRAFI</b>		97
<b>LAMPIRAN</b>		101

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	31
3.2	Borang Soal Selidik	32
3.3	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan	34
3.4	Jadual Tafsiran Min	37
5.1	Jumlah Tafsiran Min	56
5.2	Skala Tafsiran Julat Min	60
5.3	Analisis Min bagi Aspek Pemahaman Isi Kandungan Responden	64
5.4	Analisis Min bagi Aspek Sifat Mesra Pengguna	67
5.5	Analisi Min bagi Aspek Ciri Multimedia dan Animasi	70
5.6	Analisis Min bagi Aspek Aktiviti Pembelajaran	73
5.7	Jadual Ringkasan Kebolehlaksanaan CD MPK	74
5.8	Perkara-Perkara Yang Memberi Kesan Positif Terhadap Penggunaan CD MPK	75
5.9	Komen Terhadap CD MPK	76

5.10	Analisis Statistik Deskriptif Pra Ujian	78
5.11	Analisis Statistik Deskriptif Pos Ujian	79
5.12	Ujian T ( <i>Paired Samples</i> ) Markah Pra Ujian dan Ujian Pos	81

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Kerangka Teori Penghasilan Produk	46
4.2	Kronologi Pembangunan Produk	48
5.1	Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Jantina	57
5.2	Carta Pai Peratusan Umur Responden	58
5.3	Carta Bar Kelayakan Akademik Tertinggi Responden Sebelum Mengikuti Kursus di Politeknik	59
5.4	Carta Analisis Perbandingan Min bagi Setiap Item Dalam Aspek Isi Kandungan	63
5.5	Analisis Pebandingan Min bagi Setiap Item Untuk Sifat Mesra Pengguna	66
5.6	Analisis Perbandingan Min bagi Setiap Item bagi Aspek Ciri Multimedia dan Animasi	69
5.7	Analisis Perbandingan Min bagi Setiap Item dalam Aspek Aktiviti Pembelajaran	72

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	101
B	Surat Kebenaran Kajian	105
C	Analisis Alpha Cronbach	106
D	Borang Pengesahan Pakar	108
E	Analisis Data Menggunakan SPSS	111
F	Analisis ujian pra dan ujian pos	118
G	Borang Pengesahan Pakar Item-Item	
	Ujian Pra dan Ujian Pos	120



**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN****HURAIAN PENUH**

ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD	<i>Compact Disc</i>
CD-ROM	<i>Compact Disc – Read Only Memory</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IT	<i>Information Technology</i>
MPK	Modul Pembelajaran Kendiri
PSP	Politeknik Seberang Perai
SLM	<i>Self Learning Module</i>
SPK	Sijil Penyimpanan Kira

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Dalam mengharungi cabaran dunia yang mengutamakan teknologi dan maklumat, dunia pendidikan kini perlu menyediakan pakej pengajaran dan pembelajaran yang selari dengan keperluan semasa tersebut. Para pelajar dan pendidik terdedah dengan keperluan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru, kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer semakin mendapat perhatian daripada golongan ini.

Bagi mengembangkan potensi individu pelajar, pihak-pihak yang terlibat di dalam bidang pendidikan harus menyumbangkan idea dan tenaga bagi memikirkan cara yang membolehkan pelajar dan juga pendidik menguasai kemahiran yang dipelajari, seiring dengan pengetahuan untuk mengeksploitasikan kemudahan teknologi dan maklumat secara berkesan.

Menurut Mohd. Azman (1991), mekanisme pengajaran dan pembelajaran, memberikan cabaran yang betul kepada para pelajar di dalam menyediakan maklumbalas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka. Ia bertujuan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, produktif dan cekap. Penumpuan terhadap penggunaan teknologi berkomputer di dalam bidang pendidikan oleh pelajar dan pendidik, membolehkan golongan ini bersedia untuk menghadapi cabaran dunia teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Menurut Khalid (1993), ramai pelajar berpendapat, sesuatu cara pembelajaran yang berkesan kepada seseorang itu tidak semestinya memberi hasil yang sama kepada orang lain. Perbezaan di dalam pencapaian pelajar bergantung kepada tahap penerimaan bagi seseorang individu. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sebenar, pendidik dan pelajar sebenarnya terikat kepada bahan dan turutan pengajaran yang perlu diikuti. Justeru itu, adalah sukar bagi pendidik untuk menentukan tahap penerimaan pelajar yang sama, kecuali pengajar dapat menggunakan satu medium yang membolehkan pelajar menerima isi pelajaran dengan mudah.

Cara terbaik untuk menangani masalah ini ialah dengan menumpukan kepada pengubahsuaian bahan pengajaran bagi memudahkan pemahaman dan boleh digunakan mengikut kemampuan dan kesediaan pelajar. Seseorang pelajar perlu mengubahsuaikan sistem pembelajarannya berdasarkan prinsip pembelajaran berkesan mengikut selera dan pilihan dirinya (Khalid, 1993). Selain mengekalkan cara pengajaran yang telah dipraktikkan pengajar sejak sekian lama, pengubahsuaian yang dilakukan, boleh

membuatkan sistem pengajaran tersebut berada di dalam keadaan yang harmonis dan berupaya untuk mencungkil idea dari pelajar.

Oleh itu, langkah terbaik untuk memudahkan penerimaan gaya pengajaran yang berbeza daripada pendidik, ialah dengan menggunakan modul pembelajaran sendiri. Bagi membuat pengubahsuaian yang dikatakan, modul pembelajaran sendiri ini boleh dimuatkan di dalam cakera padat supaya pengajaran dan pembelajaran dilakukan menggunakan peralatan komputer dan maklumat dapat diakses secara interaktif. Menurut Shaharom (1990), keadaan ini akan memberikan para pelajar sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan gaya masing-masing dalam menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam sesuatu modul berkenaan, agar bahan pembelajaran tersebut dikuasai dengan baik.

Pelajar yang mengikuti kursus di Jabatan Perdagangan PSP perlu mempelbagaikan gaya pembelajaran mereka. Di antara mata pelajaran yang ditawarkan di dalam jabatan tersebut ialah Undang-Undang Komersan. Subjek ini mendedahkan pelajar kepada prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan dan perdagangan serta undang-undang yang terpakai di dalam urusan biasa perdagangan.

Tetapi, subjek Undang-Undang Komersan ini melibatkan banyak fakta dan pelajar memerlukan strategi tersendiri untuk memahami keseluruhan subjek agar objektif di dalam mata pelajaran perdagangan ini tercapai. Di antara bahagian di dalam subjek ini yang melibatkan banyak fakta dan kes ialah bab Undang-Undang Kontrak. Sebagai seorang yang bakal terlibat di dalam sektor perdagangan, pengetahuan mengenai undang-undang dalam urusan perdagangan adalah penting.

Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar dapat menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku dalam bab ini. Ini kerana pelajar tidak memahami fakta yang disampaikan serta longgokan fakta yang tidak menarik minat pelajar untuk memahami sesuatu isi pelajaran tersebut. Oleh itu, pengkaji telah berhasrat untuk membangunkan satu Modul Pembelajaran Kendiri bagi bab Undang-Undang Kontrak yang menggunakan perisian *Microsoft Powerpoint*. MPK ini diharap dapat membantu pelajar semester 4 jurusan Sijil Penyimpanan Kira di Politeknik Seberang Perai (PSP) dalam proses pembelajaran mereka.

Modul ini perlu dibangunkan untuk membantu proses pembelajaran pelajar di dalam memahami bab Undang-Undang Kontrak dengan lebih mudah. Pengkaji merasakan modul ini perlu dibangunkan setelah melalui pengalaman mengajar subjek Undang-Undang Komersan semasa menjalani latihan mengajar di PSP. Melalui pemerhatian yang dibuat, pengkaji mendapati, minat pelajar untuk meneruskan proses pembelajaran menggunakan modul bercetak adalah rendah. Oleh itu, pengkaji membuat perbincangan dengan tiga (3) orang pensyarah PSP yang berpengalaman dalam mengajar subjek Undang-Undang Komersan mengenai masalah ini. Melalui perbincangan, pengkaji merasakan bahan pembelajaran bagi subjek ini memerlukan kepelbagaian. Sebagai alternatif, CD MPK ini perlu dibangunkan bagi membantu pelajar di dalam proses pembelajaran mereka.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Penggunaan media elektronik seperti penggunaan bahan multimedia di dalam bidang pendidikan oleh murid-murid dan guru-guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pada kadar yang rendah disebabkan oleh beberapa faktor. Ini termasuklah kekurangan kemudahan fizikal, kekurangan sumber-sumber pendidikan, kekurangan tenaga manusia yang terlatih, kelemahan dalam pengurusan pusat sumber sekolah, sikap dan minat guru yang tidak menggalakkan serta kurang kebolehan dalam multimedia (Munir dan Halimah, 2000). Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat memberi perhatian serta kurang meminati sesuatu bahan pengajaran bercorak tradisional. Sebaliknya, di dalam era kemajuan bahan multimedia, pelajar memerlukan bahan pembelajaran yang mampu menarik perhatian mereka bagi mempelajari sesuatu.

Kursus Undang-Undang Komersan yang diambil pelajar di politeknik, memerlukan bahan pembelajaran yang memudahkan mereka memahami kursus ini. Menurut Tang, Mohini dan Rio (2000), ramai pelajar menghadapi masalah dalam pemahaman dan kemahiran. Justeru, langkah yang perlu diambil adalah menyediakan bahan pembelajaran yang menarik, memotivasi dan meningkatkan pemahaman pengguna. Sejajar dengan perkembangan dunia teknologi bermaklumat, penggunaan modul dalam bentuk multimedia berupaya meningkatkan lagi tarikan kepada pelajar menjadikan modul sebagai bahan pembelajaran yang utama.

Di antara langkah di dalam membantu individu pelajar dalam proses pembelajaran mereka ialah, dengan menggunakan **Cakera Padat (CD) Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)**. Langkah ini membolehkan pelajar menggunakan bahan pembelajaran berbantuan komputer dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Justeru itu, ia akan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk meneroka maklumat di dalam MPK dengan menggunakan komputer.